

# Percukaaian Islam Pindaan Dan Insentif Di Bawah Akta-Akta Cukai

Bersama  
**SALIHIN ABANG**  
CA (M), CFP, ATIL, B.ACC (IIUM)  
Asna Tax Services Sdn Bhd  
[www.salihin.com.my](http://www.salihin.com.my)



**A**BAD ke-21 menyaksikan perkembangan pesat dalam sistem kewangan Islam di seluruh dunia. Dalam merealisasikan matlamat untuk menjadi sebuah pusat utama kewangan Islam antara-bangsa, Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha terutamanya dalam meningkatkan saiz pelaburan, kecekapan perkhidmatan, kepelbagaian produk, pemantapan infrastruktur dan juga peningkatan bilangan institusi yang berkaitan dengan kewangan Islam.

Menurut ajaran Islam, setiap urus niaga mestilah berlandaskan prinsip Syariah. Oleh yang demikian, riba' (faedah) adalah diharamkan manakala jual beli adalah digalakkan sama ada dalam bentuk pertukaran ataupun usaha sama.

Memandangkan produk kewangan Islam di bawah kontrak pertukaran dianggap sebagai jualan untuk tujuan percukaaian, pelbagai layanan cukai yang terdapat dalam

akta-akta seperti Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949 adalah perlu diguna pakai. Ini kerana secara amnya, jualan boleh dianggap sebagai pendapatan dan mungkin boleh dikenakan cukai. Hal ini pastinya akan menyebabkan produk kewangan Islam kurang mendapat sambutan di kalangan pelabur tempatan dan antarabangsa.

Dalam menangani keunikan produk kewangan Islam ini, Malaysia telah memperkenalkan beberapa perubahan dalam undang-undang yang digubal bagi memastikan layanan yang sekata ke atas produk kewangan Islam dan kewangan konvensional. Malah, Malaysia juga memperuntukkan pelbagai insentif cukai untuk menggalakkan pembaharuan dan pembangunan produk-produk baru kewangan Islam. Sebahagian daripada pindaan rang undang-undang yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia diringkaskan dalam Jadual 1.

AKTA	PERKARA	PINDAAN	HURAIAN
Akta Cukai Pendapatan 1967	Layanan Keuntungan	Penambahan sub seksyen berikut - "Apa-apa sebutan dalam Jadual ini mengenai bunga hendaklah terpakai, mutatis mutandis, kepada belanja yang dilakukan sebagai mengganti bunga dalam transaksi yang dijalankan mengikut Syariah" (Sumber: Undang-undang Malaysia - <a href="http://www.parlimen.gov.my/pdf/a323.pdf">http://www.parlimen.gov.my/pdf/a323.pdf</a> )	Pendapatan yang diperolehi daripada produk kewangan Islam akan dikategorikan sebagai 'faedah' sama seperti di dalam urusan pembiayaan konvensional untuk tujuan Akta Cukai Pendapatan.
	Pengecualian Cukai	Penambahan sub perenggan berikut - "Pelupusan sesuatu aset oleh seseorang kepada suatu bank Islam di bawah skim di mana orang itu dibiayai oleh bank itu mengikut Syariah" (Sumber: Undang-undang Malaysia - <a href="http://www.parlimen.gov.my/pdf/a323.pdf">http://www.parlimen.gov.my/pdf/a323.pdf</a> )	Transaksi asas berkaitan dengan pemindahan aset atau sewa beli akan diketepikan untuk tujuan percukaaian.
Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976	Pelupusan Aset	Penambahan sub perenggan berikut - "Pelupusan sesuatu aset oleh seseorang kepada suatu bank Islam di bawah skim di mana orang itu dibiayai oleh bank itu mengikut Syariah" (Sumber: Undang-undang Malaysia - <a href="http://www.parlimen.gov.my/pdf/a323.pdf">http://www.parlimen.gov.my/pdf/a323.pdf</a> )	Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah dipinda untuk mengecualikan cukai ke atas keuntungan pelupusan harta tanah oleh seseorang kepada bank Islam di bawah pembiayaan Islam. Bagi jualan balik harta tanah oleh bank kepada pelanggan, cukai akan dikenakan ke atas keuntungan sebagaimana pendapatan perniagaan dan dikecualikan daripada cukai keuntungan harta tanah berikutan pindaan Akta Cukai Pendapatan yang diterangkan di atas.
	Pengecualian Cukai	Pengecualian bayaran cukai keuntungan harta tanah daripada keuntungan yang diperolehi daripada pelupusan sesuatu aset berkaitan dengan penerbitan <i>Private Debt Securities</i> (PDS) dan <i>Special Purpose Vehicle</i> (SPV) di bawah prinsip Islam.	

Akta Cukai Setem 1949	Pengecualian Am	Pengecualian cukai setem ke atas sesuatu produk yang dilaksanakan berdasarkan skim pembiayaan yang berlandaskan prinsip Syariah yang diluluskan oleh Bank Negara atau Suruhanjaya Sekuriti, di mana produk berkenaan merupakan produk tambahan yang dikehendaki untuk tujuan mematuhi prinsip tersebut tetapi tidak dikehendaki untuk skim pembiayaan yang lain.	Akta Cukai Setem 1949 telah dipinda agar cukai hanya dikenakan ke atas dokumen pembiayaan dan bukan ke atas dokumen pembelian kedua antara pembiaya dan pelanggan.
	Pelbagai Perintah Pengecualian Cukai Setem	Pelbagai pengecualian telah disediakan ke atas pembelian harta oleh mana-mana pembiaya untuk tujuan jualan semula di bawah prinsip Syariah dan urusniaga Ijarah.	

Jadual 1 : Pindaan rang undang-undang oleh kerajaan Malaysia

Di samping itu, pelbagai insentif cukai juga turut disediakan dan diperbaharui dalam membangunkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Secara keseluruhannya, insentif-insentif cukai ini boleh diklasifikasikan kepada beberapa bahagian yang diringkaskan dalam Jadual 2.

Sebagai kesimpulan, adalah diharapkan pindaan rang undang-undang sistem percukaian dan insentif cukai yang disediakan oleh kerajaan berupaya menarik lebih ramai peserta industri untuk membangunkan produk dan penyelesaian kewangan Islam baru yang dijangka akan menarik lebih banyak penyertaan daripada pelabur luar khususnya dari Asia Barat. 

PERCUMA!

**KLINIK CUKAI**  
**Walk-in Consultation (setiap Jumaat)**

- 9 pagi - 12 tengahari
- 2 petang - 5 petang

**atau email: [info@salihin.com.my](mailto:info@salihin.com.my) (24 jam)**  
**Sila hubungi untuk temujanji anda di talian**  
**603 61876679 atau email kami sekarang!!**

\*\* Tertakluk kepada terma dan syarat

BAHAGIAN	INSENTIF CUKAI
Perbankan Islam & Takaful	Pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama 10 tahun diberi kepada bank dan unit perbankan Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam ke atas pendapatan yang diterima daripada perniagaan perbankan Islam dalam mata wang asing termasuk transaksi dengan pemastautin Malaysia.
	Pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama 10 tahun diberi kepada syarikat dan unit takaful yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 ke atas pendapatan yang diterima daripada perniagaan takaful dalam mata wang asing termasuk transaksi dengan pemastautin Malaysia.
Pengurusan Dana Islam	Pengurus dana tempatan dan asing yang menguruskan dana pelabur asing mengikut prinsip Syariah diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama 10 tahun ke atas bayaran pengurusan yang diterima dengan syarat dana tersebut diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.
Pasaran Modal	Pengurangan cukai ke atas perbelanjaan menubuhkan syarikat broker saham Islam.
	Pengurangan cukai ke atas perbelanjaan menerbitkan sekuriti Islam berdasarkan prinsip <i>Ijarah, Istisna', Mudharabah</i> dan <i>Musyarakah</i> .
	Penambahan 20% pengecualian cukai setem diberikan kepada produk yang digunakan untuk pembiayaan Islam yang diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah Bank Negara serta 100% pengecualian cukai setem selama 10 tahun ke atas produk mata wang asing yang dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam.
Lain-lain	SPV yang ditubuhkan semata-mata untuk menyalurkan dana bagi tujuan pembiayaan secara Islam yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti tidak dikenakan cukai pendapatan.
	Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh pakar kewangan Islam yang bukan pemastautin dengan syarat ianya disahkan oleh sekretariat Pusat Kewangan Antarabangsa Malaysia.

Jadual 2 : Insentif-insentif cukai yang disediakan oleh kerajaan Malaysia